



Ubat generik: Pandangan and pengetahuan daripada pakar, pegawai perubatan dan pesakit di Hospital Teluk Intan, Malaysia

Pengenalan

Anda dipelawa untuk menyertai satu kajian penyelidikan secara sukarela tentang persepsi dan pengetahuan pesakit terhadap ubat generik. Sebelum anda bersetuju untuk menyertai kajian penyelidikan ini, adalah penting anda membaca dan memahami borang ini. Sekiranya anda menyertai kajian ini, anda akan menerima satu salinan borang ini untuk disimpan sebagai rekod anda. Penyertaan anda di dalam kajian ini adalah pada masa itu sahaja. (iaitu isi soal selidik pada masa itu sahaja). Seramai 190 pesakit akan menyertai kajian ini.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan adalah untuk mengkaji sama ada persepsi dan pengetahuan pesakit terhadap ubat generik berbeza mengikut ciri-ciri demografi di hospital kerajaan.

Kelayakan Penyertaan

Penyelidik utama dalam kajian ini atau salah seorang kakitangan kajian telah membincangkan kelayakan untuk menyertai kajian ini dengan anda. Anda tidak seharusnya menyertai kajian ini sekiranya anda tidak memenuhi semua syarat kelayakan.

Beberapa keperluan untuk menyertai kajian ini adalah:

- Anda mesti berumur 18 tahun dan ke atas.
- Anda mesti boleh tulis dan baca dalam Bahasa Malaysia.

Prosedur-Prosedur Kajian

Semasa lawatan anda ke Jabatan Pesakit Luar, Hospital Teluk Intan, Perak, anda mungkin didekati oleh penyelidik atau ahli kajian. Sekiranya anda bersetuju untuk menyertai dalam kajian ini, anda diminta mengisi satu soal selidik yang diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Soal selidik ini mengandungi 16 soalan. Selain itu, anda diminta menyediakan maklumat tentang sosio-demografi di soal selidik tersebut.

Penyertaan dalam Kajian

Penyertaan anda dalam kajian ini adalah secara sukarela. Anda berhak menolak untuk menyertai kajian ini atau anda boleh menamatkan penyertaan anda pada bila-bila masa, tanpa sebarang hukuman atau kehilangan manfaat yang sepatutnya anda perolehi.

Manfaat Yang Mungkin [Manfaat terhadap Individu, Masyarakat, Universiti]

Anda mungkin menerima maklumat tentang ubat generik. Hasil atau maklumat kajian ini diharapkan, dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan polisi ubat kebangsaan pada masa hadapan.

PERSOALAN

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai prosedur kajian ini atau hak-hak anda, sila hubungi:

En. Wong Zhi Yen
Jabatan Farmasi
Hospital Teluk Intan, Perak
05-6213333 ext:1233/1236/1239

KERAHSIAAN

Maklumat perubatan anda akan dirahsiakan oleh penyelidik dan kakitangan kajian. Ianya tidak akan dedahkan secara umum melainkan jika ia dikehendaki oleh undang-undang. Data yang diperolehi dari kajian yang tidak mengenalpasti anda secara perseorangan mungkin akan diterbitkan untuk tujuan memberi pengetahuan baru.

NOTA:

Ubat berjenama asal atau ubat 'original':

Ubat yang dikilang oleh pengeluar asal ubat tersebut. Ubat berjenama asal memperoleh suatu tempoh perlindungan pemasaran atau 'paten' di mana ubat yang sama tidak boleh dikilangkan oleh pengeluar lain sehingga tempoh itu tamat. Ubat tersebut juga adalah ubat yang pertama berada di pasaran.

Ubat generik:

Ubat generik adalah ubat alternative yang mirip kepada ubat berjenama asal. Ianya dikeluarkan oleh pengeluar lain (selain dari pengeluar asal) selepas tamat tempoh perlindungan pemasaran. Pihak pengeluar ubatan-ubatan ini juga mempunyai nama dagangan ubat mereka yang khas walaupun bahan aktif ubat ini sama dengan ubat berjenama asal. Contohnya, ubat berjenama asal adalah Panadol® manakala ubat generik yang setara berada dipasaran Malaysia ialah seperti Uphamol, Paracel dan lain lain jenama. Namun demikian, kedua-dua ubat generik dan ubat berjenama mempunyai bahan aktif yang sama iaitu 'paracetamol'.

Bahagian A : Soalan Demografi

1.	Jantina:	1. Lelaki <input type="checkbox"/> 2. Perempuan <input type="checkbox"/>
2.	Bangsa:	1. Melayu <input type="checkbox"/> 2. Cina <input type="checkbox"/> 3. India <input type="checkbox"/> 4. Others: _____
3.	Umur (tahun):	1. Bawah 30 <input type="checkbox"/> 2. 30-40 <input type="checkbox"/> 3. 41-50 <input type="checkbox"/> 4. 51-60 <input type="checkbox"/> 5. 61 dan ke atas <input type="checkbox"/>
4.	Tahap Pendidikan	1. UPSR <input type="checkbox"/> 2. PMR <input type="checkbox"/> 3. SPM <input type="checkbox"/> 4. STPM/ A-level/Matikulasi <input type="checkbox"/> 5. Diploma <input type="checkbox"/> 6. Sarjana Muda <input type="checkbox"/> 5. Pascasiswazah (Sarjana or Kedoktoran) <input type="checkbox"/>
5.	Gaji bulanan (RM)	1. kurang dari RM1000 <input type="checkbox"/> 2. RM1000 - RM2000 <input type="checkbox"/> 3. RM2000 - RM3000 <input type="checkbox"/> 4. RM3000 - RM4000 <input type="checkbox"/> 5. RM4000 dan ke atas <input type="checkbox"/>
6.	Adakah anda selalu bertanya kepada doktor mengenai ubat anda?	1. Ya <input type="checkbox"/> 2. Tidak <input type="checkbox"/>
7.	Adakah anda memiliki kad perubatan atau insurans kesihatan?	1. Ya <input type="checkbox"/> 2. Tidak <input type="checkbox"/>
8.	Adakah anda mengetahui mengenai ubat generik?	1. Ya <input type="checkbox"/> 2. Tidak <input type="checkbox"/>

Bahagian B: Pengetahuan dan persepsi mengenai ubat generik.

Untuk setiap pernyataan, sila tanda (√) di ruang yang disediakan.

No.	Pernyataan	Sangat tidak bersetuju	Tidak setuju	Neutral	Setuju	Sangat bersetuju
1	Keberkesanan ubat generik adalah sama seperti ubat berjenama asal.					
2	Ubat generik mengambil masa yang lebih lama untuk memberi kesan ubat.					
3	Ubat generik adalah bagus untuk penyakit yang kurang serius.					
4	Rawatan dengan ubat generik mengambil masa yang lebih lama.					
5	Ubat generik diperbuat daripada bahan yang kurang berkualiti.					
6	Antibiotik generik adalah kurang berkesan berbanding dengan antibiotic berjenama asal.					

No.	Pernyataan	Sangat tidak bersetuju	Tidak setuju	Neutral	Setuju	Sangat bersetuju
7	Ubat generik mempunyai pengawalan kualiti yang lebih ketat berbanding dengan ubat berjenama asal.					
8	Ubat generik adalah lebih murah kerana ianya kurang berkesan.					
9	Ubat generik mempunyai kesan yang sama seperti ubat berjenama asal.					
10	Berbanding dengan ubat berjenama asal, ubat generik juga boleh digunakan untuk merawat penyakit yang sama.					
11	Tablet ubat generik adalah sama seperti ubat berjenama asal.					
12	Ubat generik mempunyai rasa yang hampir sama seperti ubat berjenama asal.					
13	Ubat generik mempunyai nkesan sampingan yang sama seperti ubat berjenama asal.					
14	Ubat generik mempunyai bungkusan yang berbeza berbanding dengan ubat berjenama asal.					
15	Kegunaan ubat generik adalah sama seperti ubat berjenama asal.					
16	Secara keseluruhan, ubat generik adalah sama seperti ubat berjenama asal.					

Terima kasih kerana sudi mengambil bahagian dalam kajian ini.